



KENYATAAN MEDIA

KPWKM PERKASA PERKHIDMATAN KAUNSELING BERTERASKAN AI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 28 JANUARI – Bersama saya adalah YBhg. Datin Dr. Ruhani Mat Min, Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia dan Tuan Haji Sadli Osman, Pendaftar Lembaga Kaunselor Malaysia. Pagi ini saya bersama hampir 300 orang kaunselor berdaftar dalam program Majlis Amanat Bersama Kaunselor Berdaftar Tahun 2026 yang diadakan bersekali dengan Seminar Profesional Kaunselor Dalam Mendepani Teknologi Kecerdasan Buatan di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk terus memperkukuh kesejahteraan mental dan psikososial rakyat melalui pemeraksanaan profesion kaunseling yang lebih profesional, beretika dan selari dengan kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Saya ingin menegaskan bahawa kaunselor memainkan peranan strategik sebagai barisan hadapan sokongan kesejahteraan rakyat merentasi sektor pendidikan, kesihatan, keselamatan dan sumber manusia, khususnya dalam mendepani cabaran tekanan emosi, konflik keluarga, isu sosial serta kesihatan mental yang semakin kompleks.

Kami di KPWKM melihat AI bukan sebagai pengganti peranan kaunselor, sebaliknya sebagai alat sokongan profesional yang mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan, termasuk dalam saringan awal klien, pemantauan kes, pengurusan dokumentasi serta peluasan akses kaunseling kepada kumpulan yang sukar dicapai seperti komuniti luar bandar, warga emas dan individu berisiko tinggi.

Umpamanya, hubungan terapeutik berasaskan empati, nilai kemanusiaan dan kefahaman budaya kekal menjadi teras kaunseling. Namun, kaunselor perlu dilengkapi dengan kemahiran AI secara beretika agar perkhidmatan kepada rakyat menjadi lebih pantas, tepat dan responsif.

Sebagai sebahagian daripada reformasi perkhidmatan kaunseling negara, KPWKM melalui Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) turut memperkenalkan Sistem Pengurusan Kaunselor Berdaftar (MYeLKM) sebagai platform digital komprehensif bagi memperkukuh tadbir urus dan kualiti perkhidmatan kaunseling.

Mulai tahun 2026, semua kaunselor berdaftar diwajibkan menggunakan MYeLKM bagi tujuan pendaftaran, pemantauan kompetensi, pengurusan rekod profesional serta penyampaian perkhidmatan yang lebih telus dan berpiawaian. Sistem ini juga memudahkan orang awam mengenal pasti kaunselor berdaftar, sekali gus melindungi rakyat daripada perkhidmatan kaunseling tidak bertauliah.

Dalam masa yang sama, KPWKM menggalakkan kaunselor menyertai latihan berterusan berfokuskan AI, etika digital dan kaunseling dalam talian bagi memastikan profesion ini kekal relevan dan berdaya saing dalam era pendigitalan, selaras dengan teras Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan insan dan pembangunan masyarakat berdaya tahan.

Usaha bersepadu ini membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan perkhidmatan kaunseling di Malaysia bukan sahaja berorientasikan teknologi, tetapi kekal berteraskan nilai kemanusiaan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara secara holistik.

Sekian, terima kasih.

YB LIM HIU YING

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

28 JANUARI 2026